

01/02/1998

Penjarakan majikan buang pekerja: MTUC

KUALA LUMPUR: Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) mahu kerajaan mengenakan hukuman penjara mandatori dan denda sehingga RM50,000 terhadap majikan yang membuang pekerja sewenang-wenangnya tanpa memberi notis terlebih dahulu.

Presidennya, Zainal Rampak, berkata tindakan itu perlu supaya majikan insaf mengenai tanggungjawab terhadap masyarakat dan negara, terutama dalam kegawatan ekonomi sekarang.

Ketika dihubungi Berita Minggu semalam, beliau berkata, cadangan itu akan dikemukakan dalam mesyuarat Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan (NLAC) tidak lama lagi.

"Cadangan kerajaan menggubal Akta Pekerjaan 1955 untuk mengenakan hukuman denda RM10,000 atau setahun penjara, kami anggap masih ringan serta tidak mencukupi.

"Oleh itu, hukuman lebih berat perlu dikenakan terhadap majikan terbabit kerana tindakan membuang pekerja tanpa notis adalah satu penindasan dan kezaliman," katanya sambil mengalu-alukan jaminan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa kerajaan akan mengambil tindakan tegas terhadap majikan terbabit.

Kelmarin, Perdana Menteri mahu mana-mana pekerja yang dibuang kerja tanpa notis menghubungi Kementerian Sumber Manusia untuk membolehkan siasatan lanjut dilakukan.

Zainal juga menyarankan supaya talian khas diwujudkan di Kementerian Sumber Manusia, ibu pejabat Jabatan Buruh serta Pejabat Buruh negeri untuk memudahkan pekerja terbabit menghubungi pihak berkuasa.

"Soal talian ini akan saya kemukakan kepada mesyuarat NLAC. Kita mahu ia diwujudkan segera supaya pekerja yang dibuang atau ditindas majikan boleh menghubungi sendiri pihak berkuasa untuk tindakan lanjut," katanya.

Beliau berkata, kepentingan pekerja perlu dilindungi terutama dalam keadaan sekarang apabila mereka menghadapi risiko dibuang kerja tanpa notis dan menerima faedah lain.

"Sehubungan itu, MTUC akan mencadangkan NLAC menubuhkan Tabung Insurans Pekerja untuk membantu pekerja yang dibuang tanpa notis. Caruman itu dibuat oleh majikan untuk setiap pekerjanya.

"Setakat ini, ada lebih tiga juta pekerja di sektor swasta. Jika majikan mencarum RM1 sebulan, lebih RM3 juta dapat dikumpul dan menjadi hampir RM40 juta setahun. Jika ada pekerja yang dibuang, caruman itu boleh digunakan untuk membantu mereka secepat mungkin," katanya.

(END)